

Darah Berteriak kepada Darah dan Bangsa kepada Bangsa*



ULI Yang Maha Mulia Tuanku serta Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan, Yang Berhormat Mulia Undang-undang serta sekalian yang hadir lelaki perempuan.

Bagi pihak Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, saya mengucapkan terima kasih kepada tiap-tiap seorang yang telah berpenat lelah hadir di sini pada hari ini bagi meraikan Persidangan Majlis Agung bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu.

Berbetulan tarikh hari ini pada tahun dahulu di Kuala Lumpur beberapa persekutuan dan pertubuhan Melayu daripada meratarata Semenanjung ini telah menghantar wakil-wakilnya kerana mencari ikhtiar bagi menyatupadukan umat Melayu.

Dalam persidangan ini dengan sebulat suara tiap-tiap seorang bersetuju menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang sekarang akan bersidang Majlis Mesyuarat Agungnya pada hari ini.

Tujuan umat Melayu bersatu padu itu sungguhpun pada waktu itu terkhas dihadapkan kepada menolak Malayan Union tetapi tujuannya bukan yang demikian itu sahaja. Tujuannya adalah lebih besar lagi iaitu hendak menyatukan umat Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu ini.

Sebagaimana yang telah diketahui pada zaman sebelum perang dahulu sungguhpun dalam Semenanjung Tanah Melayu ini ada berapa banyak negeri Melayu, tetapi masing-masing negeri itu telah berfikir dirinya berasing-asing, begitu juga orangnya berpuak-puak

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Kelab Seremban, Negeri Sembilan, pada 1 dan 2 Mac 1947.

dengan Melayu Negeri Sembilan, Melayu Perlis, Melayu Johor, Melayu Kelantan dan lain-lainnya.

Dengan adanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu ini maka fikiran yang berasing-asing itu telah terlucut dan daripada Semenanjung Tanah Melayu ini adalah dua belas buah negeri dan jajahan yang diduduki oleh orang Melayu yang sekarang ini telah disatukan.

Begitulah kehendaknya jika sekiranya umat Melayu Semenanjung ini hendak mengekalkan bangsa menjadi bangsa Melayu, negerinya menjadi Melayu dan anak cucunya bersombong hati dengan berasa dirinya sebagai bangsa Melayu.

Sungguhpun persetujuan hendak menaja Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini telah didapati di Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun yang lalu, akan tetapi ikhtiar menyatukannya telah disempurnakan di Johor Bahru pada pertengahan bulan Mei, tahun 1946; dan pada tarikh itulah sekalian wakil telah menurunkan tandatangan pada surat tauliah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Maka dengan yang demikian, hari jadi Pertubuhan Kebangsaan Melayu ini sungguhpun dikatakan bulan Mac tetapi sifatnya terzahir di dunia ialah pada 11 Mei 1946.

Setelah berjalan Pekembar itu dengan bersifat di dalamnya tiap-tiap satu kumpulan umat Melayu dalam Semenanjung ini tetapi tiada berapa lama daripada itu terjadi perpecahan ahli-ahlinya dengan kehendak hati seorang atau dua ahlinya iaitu boleh dikatakan tiada bersetuju dengan dasar dan perjalananan Pekembar. Nampak kepada saya bahawa perbuatan itu ialah suatu perbuatan yang pelik dan menghairankan. Pelik ialah kerana memikirkan pendapatan pihak itu tidak bersetuju kepada dasar yang hendak menjadikan negeri ini sebenar-benarnya negeri Melayu dan bangsanya bangsa Melayu, pemerintahannya dijalankan oleh orang Melayu.

Pada zaman demokrasi ini iaitu zaman seorang mempunyai hak menjalankan pekerjaannya itu, maka tidaklah boleh seorang itu memikirkan bagi muslihat dirinya sahaja melainkan juga memikirkan muslihat bangsanya.

Kebanyakan orang Melayu di Semenanjung ini belum lagi saya mendapati mereka itu tidak berkehendakkan dirinya bernegerikan negeri ini dan berbangsakan bangsa Melayu.

Dalam masa umat Melayu beramai-ramai dalam Semenanjung Tanah Melayu ini hendak menyatupadukan tiap-tiap seorang daripadanya maka telah terbit pula suatu ikhtiar hendak memecahkan

bangsa Melayu dengan menyeru dan menghasut kepada suatu bahagian orang Melayu supaya jangan mengaku dirinya umat Melayu tetapi umat Indonesia.

Saya mendapatkan suatu pertanyaan apakah perbezaannya di antara umat Melayu dan umat Indonesia itu? Tidak siapa-siapa yang boleh menaruh syak lagi bahawa lebih separuh daripada penduduk Semenanjung ini berasal dari Indonesia. Datuk nenek saya sendiri berasal dari Indonesia. Kerana itu tidak payahlah lagi didatangkan dengan sebarang hasutan dengan menggunakan di atas perkara menyatukan perpecahan itu kerana tidak syak lagi darah itu akan berteriak kepada darah dan bangsa akan berteriak kepada bangsanya dan bagaimanapun tujuan orang kita sekarang ini tujuannya satu juga iaitu tiap-tiap seorang yang mengaku Melayu itu, insya-Allah akan kekal menjadi bangsa Melayu. Akan tetapi diingat bahawa tujuan itu tidak akan berhasil jika kita berpecah belah sama sendiri. Hendaklah kita bersatu dan berpakat bagi menuju cita-cita yang dimaksudkan itu.

Di sisi kita ini ada beberapa banyak merbahaya iaitu terbit daripada bangsa asing, demikian juga daripada hasutan bangsa sendiri. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu bekerja kerana faedah orang Melayu, dijalankan oleh orang Melayu dengan wang duit orang Melayu dan dengan kehendak orang Melayu maka segala hasilnya sudah tentu bagi faedah orang Melayu. Saya berani berkata dan saya berani sambung berkata daripada permulaannya lagi tubuh Pekembar ini tidak sekali-kali berharap daripada sokongan lain bangsa melainkan semata-mata kepada bangsanya sendiri sahaja.

Kepada bangsanya itu saya mintalah, sokonglah dengan sedaya upaya. Bantulah Pekembar. Berikhtiarlah dengan segala daya upaya, lelaki perempuan bagi menyatukan orang Melayu kerana dengan itulah dapat kita menjadikan Semenanjung ini hak dan kepunyaan kita sendiri.

Kepada pemuda-pemuda Melayu, terutama sekaliannya saya suka mengadakan percakapan bahawa masa ini kita selalu mendengar perkataan MERDEKA—mengajak kepada pemuda-pemuda itu bermandi darah dan mengorbankan jiwanya. Apakah gunanya sepuluh orang pemuda terbaring di dalam tanah? Bukankah baik seorang pemuda berdiri dengan sihat bersedia bekerja bukan kerana faedah dirinya sendiri melainkan kerana bangsa dan tanah airnya? Ini bukan masanya bersorak-sorak tatkala Melayu dihimpit oleh segala bangsa

di negerinya. Ini bukan masanya berkorban. Orang Melayu tua atau muda ialah hak bangsanya hari ini. Kehendak bangsanya bukan berkehendakkan pemuda-pemudanya yang tiada bernyawa tetapi yang ada bernyawa.

Saya tua, tetapi hati saya sekali-kali tidaklah lebih penakut daripada seorang pemuda. Saya tidak berniat hendak menyangkan (memegahkan) baka saya tetapi memadailah saya katakan bahawa keturunan saya dan asal usul saya memang darah Melayu. Kema-huan bangsa dan tanah air Melayu ialah tiap-tiap seorang hendaklah berikhtiar dan bermuafakat bagaimana hendak menolak segala merbahaya di sekelilingnya. Kepada pemuda-pemuda saya minta mengorbankan diri atas jalan yang boleh memberi guna kepada bangsa dan tanah air iaitu lihatlah hal kampung sendiri, lihatlah hal bangsa sendiri, maka itulah ikhtiar mengorbankan diri supaya kehidupan orang Melayu itu boleh berjalan dengan sempurnanya. Di situlah pada perasaan saya tuntutan korban itu iaitu hendaklah dijalankan dengan muafakat supaya orang Melayu tua muda akan mendatangkan kebajikan kepada tiap-tiap seorang bangsanya.

Seruan MERDEKA-MERDEKA itu kita telah dengar bukan baru ini. Terbitnya boleh dikatakan semenjak wujud dunia kerana itu perasaan semula jadi tetapi mendapat kemerdekaan yang sebenarnya bukannya mudah. Tiap-tiap seorang umat itu mestilah tahu dan mengerti bagaimana hendak memerdekakan dirinya sendiri dahulu dengan mengamalkan perbuatan yang berfaedah, membuang segala perasaan tamak yang semata-mata boleh mendatangkan faedah bagi dirinya sahaja. Hendaklah dia mengamalkan pekerjaan yang memberi faedah terutama sekali kepada keselamatan bangsanya.

Apa gunanya kita hendak mencapai bulan jika tidak boleh tercapai oleh kita? Melainkan hendaklah kita berikhtiar bagaimana jalannya kita dapat memanjangkan tangan dan lain-lain ikhtiar supaya bulan itu dapat tercapai oleh kita bukan kerana berseru-seru 'MERDEKA, mari mandi darah' dan sebagainya maka bulan itu gugur kepada riba kita. Berikhtiar, berpakat dan bersatu itulah rahsianya.

Saya berseru marilah kita beramai-ramai bersatu, bekerja dengan sebenar-benar bukan dengan cakap-cakap sahaja supaya dengan itu bolehlah kita tunaikan perkataan Hang Tuah 'Takkan Melayu hilang di dunia'.

Jalan bersatu itu, jalan berikhtiar itu, jalan muafakat itu sekarang

telah terbuka dan terbentang, tidak ada satu pintu menyatukan orang Melayu selain daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu. Jika orang Melayu tidak mengambil peluang itu tidaklah mereka boleh menyalahkan Pekembar melainkan salahkan diri sendiri, penghasut yang menjahanamkan bangsanya.

Sekianlah saya berseru dengan seruan yang tidak saya hentikan kepada sekalian bangsa Melayu yang sebangsa, sedarah, seketurunan, seagama. Marilah kita bersatu dengan tidak membezakan sama ada kita datang dari Bugis, dari Banjar, dari Jawa, dari Bali, dari Sumatera dan sebagainya melainkan kita tumpukan kepada bangsa yang satu sahaja itu.

Inilah sahaja yang saya ucapkan dan saya harap mintalah tuan-tuan yang hadir di sini supaya menyampaikan cakap saya ini kepada seseorang lain. Hanyalah dengan berbantuan-bantuan dan muafakat itu sahaja maka kita dapat mengekalkan negeri kita ini sebagai negeri Melayu. Anak-anak kita akan kekal tinggal di Tanah Melayu dan cucu cicit kita akan hidup berumbi di Tanah Melayu ini.

Sekianlah, disudahi dengan seruan Hidup Melayu!